



Pastikan Benar Bernama.com

Malay | English | Mandarin | Arabic | Español



AM+ EKONOMI+ POLITIK+ SUKAN+ RENCANA+ DUNIA+ LAMAN MIKRO + E-NEWSLETTER WEBTV INFOGRAFIK ARKIB

Kahwin Bawah Umur: Keluarga mohon privasi - Dr Wan Azizah

Tarikh kemaskini: 10/07/2018



PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Keluarga yang terlibat dalam isu perkahwinan kanak-kanak 11 tahun warga Thailand dan lelaki tempatan berusia 41 tahun memohon privasi mereka dihormati, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata ini kerana keluarga kedua-dua pihak mempunyai anak-anak lain yang turut mendapat kesan setelah berita berkenaan tular dan menjadi perhatian umum.

"Ia terlalu berat untuk mereka. Saya faham kerana apabila suami saya dipenjarakan, keluarga saya juga menghadapi masalah yang hampir serupa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di sini hari ini.

Ditanya mengenai perkembangan kanak-kanak perempuan warga Thailand berusia 11 tahun berkenaan, Dr Wan Azizah berkata dia masih tinggal di negara ini dan sudah menjalani sesi kaunseling sebanyak dua kali.

"Pemeriksaan mendapati tidak ada sebarang kesan penderaan ke atas kanak-kanak itu," katanya.

Berita perkahwinan ketiga lelaki tempatan berkenaan yang didakwa berlaku di Thailand tular hingga dikecam pelbagai pihak. Semalam, Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang menjatuhkan hukuman denda RM1,800 terhadap lelaki itu setelah mengaku bersalah atas dua pertuduhan iaitu berkahwin dan berpoligami tanpa kebenaran.

Sementara itu, Dr Wan Azizah mengumumkan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) melancarkan Tabung Rakyat Palestin bagi membantu rakyat negara tersebut.

▼ iklan

Beliau berkata tabung berkenaan, yang dikawal selia kerajaan, bertujuan membantu Agensi Bantuan dan Kerja untuk Palestin, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) selepas wakil agensi tersebut menemui beliau bagi mendapatkan bantuan kerajaan Malaysia.

"Hasrat UNRWA telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang pada dasarnya bersetuju supaya kerajaan mengambil inisiatif mengumpul dana untuk membantu rakyat Palestin," katanya.

Menurut Dr Wan Azizah, UNRWA berdepan krisis kewangan teruk sejak awal tahun ini apabila Amerika Syarikat menarik balik lebih RM 1 bilion sumbangannya.

Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun YKN-Tabung Rakyat Palestin di akaun Alliance Islamic Bank bernombor 160140010011300.

-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

- [Di sebalik kisah hidup Dr Mahathir yang lebih santai](#)
- [Kahwin Bawah Umur: Keluarga mohon privasi - Dr Wan Azizah](#)
- [Kerajaan rangka formula terbaik dalam usaha hapus rasuah - Dr Mahathir](#)
- [PM, jemaah menteri hadir taklimat Governans, Integriti dan Antirasuah](#)
- [Tiada rehat buat Dr Mahathir walau mencecah usia 93](#)

[Utama](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Arkib](#) | [Siaran Media Eksklusif](#) | [Suapan RSS](#) | [Laman Web Korporat](#) | [IMAGES](#)

[Facebook](#) | [Twitter](#) | [Instagram](#)

© 2018 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.

Paparan terbaik menggunakan Firefox 58.0.1 (64-bit) & Chrome Version 63.0.3239.132 (Official Build) (64-bit) dalam resolusi 1920 x 1080 piksel

Hubungi kami : 03-2691 9955/03-2693 9933 (Am), 03-2050 4466 (Produk/Perkhidmatan) | E-mel : portal@bernama.com